



KETUA SETIAUSAHA
(SECRETARY GENERAL)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)
ARAS 9, BLOK D9, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62606 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8886 3501
Fax : 03-8889 2104
Web : <http://www.rurallink.gov.my>

KKLW.PI.100-4/0/4(32)
10 Februari 2009

Semua Setiausaha Bahagian/Ketua Unit
Ketua Pengarah KEMAS
Ketua Pengarah JHEOA
Ketua Pengarah RISDA
Semua Pengurus Besar Agensi KKLW

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
BIL. 1 TAHUN 2009

ARAHAN MENGENAI PENGEMASKINIAN
SISTEM PEMANTAUAN PROJEK II

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan memaklumkan semua Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengenai pentingnya Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) dikemaskini untuk memberi gambaran sebenar aktiviti dan kemajuan semua projek pembangunan yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 SPP II merupakan salah satu aplikasi dalam Kerajaan Elektronik (EG) yang telah dilancarkan pada tahun 2001 bersempena dengan Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMKe-8).

2.2 Objektif utama SPP II adalah untuk:

- i) Mewujudkan persekitaran sistem yang berkolaboratif tinggi bagi memaksimumkan kecekapan dan ketepatan pemantauan projek;
- ii) Menyediakan sistem yang terbuka dan fleksibel bagi memenuhi keperluan maklumat di peringkat operasi serta proses-proses pengurusan di tahap yang berbeza-beza; dan
- iii) Menyediakan keupayaan pemantauan projek berasaskan pengurangan kertas di antara agensi.

2.3 Faedah-faedah SPP II adalah:

- i) Berupaya membuat penganalisan impak sosioekonomi, ramalan serta simulasi;

- ii) Fleksibiliti mengeluarkan jenis laporan mengikut keperluan;
- iii) Penghantaran maklumat secara *on-line*;
- iv) Penyelarasan kod-kod projek;
- v) Berciri grafik, peta dan gambar;
- vi) Maklumat yang seragam dan terkini dari pangkalan data; dan
- vii) Maklumat boleh diperolehi pada bila-bila masa.

2.4 Faktor kejayaan SPP II adalah bergantung kepada:

- i) Komitmen semua peringkat pegawai yang terlibat;
- ii) Kemaskini maklumat yang tepat dan terkini; dan
- iii) Kepercayaan kepada sistem.

2.5 Bagi menjayakan penggunaan SPP II, agensi pusat khususnya Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah memanfaatkan sepenuhnya SPP II sebagai alat pemantauan. Maklumat di dalam SPP II dijana terus untuk pelaporan mesyuarat

utama kerajaan seperti Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Disamping itu ICU telah mengeluarkan risalah secara berkala memaparkan prestasi pencapaian semua kementerian dalam mengemaskini SPP II.

3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 Bagi memastikan pengemaskinian SPP II dilaksanakan secara berterusan, semua Ketua Bahagian, Jabatan dan Agensi hendaklah:

- i) Menetapkan **setiap hari Isnin** sebagai hari mengemaskini maklumat SPP II;
- ii) Mengarahkan pegawai yang bertanggungjawab supaya, tanpa gagal:
 - a) Mengemaskini maklumat SPP II pada setiap hari Isnin;
 - b) Melantik pegawai ganti untuk melaksanakan tugas yang berkaitan, sekiranya pegawai berkenaan bertugas diluar pejabat atau bercuti melebihi tempoh satu minggu; dan

- c) Merekodkan pengemaskinian SPP II di dalam Nota Serah Tugas, sekiranya pegawai bertukar atau berpindah;
- iii) Memaklumkan ke Bahagian Pemantauan dan Inspektorat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah nama dan nombor telefon/emel pegawai yang diberi tanggungjawab mengemaskini bagi memudahkan hubungan.

3.2 Bahagian Pemantauan dan Inspektorat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pula dikehendaki:

- i) memantau SPP II pada setiap hari Selasa untuk menyemak maklumat baru yang telah dikemaskini oleh Bahagian/Jabatan/Agensi. Sekiranya tiada sebarang maklumat baru (pengemaskinian), pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian/Jabatan/Agensi hendaklah dihubungi; dan
- ii) Menyediakan laporan mengenai pengemaskinian maklumat SPP II untuk dibentangkan di Mesyuarat Mingguan Pengurusan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

4. AM

Ketua Bahagian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan arahan ini dipatuhi. Kegagalan pegawai yang bertanggungjawab mengemaskini SPP II sepertimana yang ditetapkan, boleh menyebabkan beliau dikenakan tindakan tatatertib.


5. KUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Komuniti Berdaya Desa Berjaya”

Sekian, terima kasih.



DATO' ABD JABAR BIN CHE NAI

s.k:

Y.Bhg. Dato' TKSU(S)
Y.Bhg. Puan TKSU(E)
Y.Brs . Tuan SUBK(KP)